

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN  
[ SIK]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menangani dan membendung jenayah bunuh diri di kalangan orang Islam yang semakin meningkat khusus ketika pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menangani dan membendung tingkah laku bunuh diri, Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil langkah atau inisiatif proaktif iaitu :

- i) **Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pencegahan bunuh diri** melalui kempen-kempen promosi seperti Let's TALK Minda Sihat dan kempen advokasi mesej-mesej positif menerusi sambutan Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia;
- ii) **Membangunkan modul latihan bagi meningkatkan kecekapan anggota barisan hadapan 'first-line responders'** dalam mengendalikan dan menangani tingkah laku bunuh diri;
- iii) **Membangunkan tatacara rujukan 'referral pathway'** bagi memudahkan akses rawatan bagi individu yang mengalami krisis bunuh diri;
- iv) **Menjalinkan kerjasama dengan pelbagai Kementerian dan** seperti contoh Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan Program Minda Sihat Sekolah, di mana saringan awal kesihatan mental dilakukan kepada pelajar sekolah supaya intervensi awal dapat diberikan dan latihan kepada guru-guru bagi mengenalpasti masalah kemurungan dan tingkahlaku bunuh diri dalam kalangan murid melalui skop "Sayangi Nyawa, Hidupkan Harapan" di dalam Modul Latihan Minda Sihat; dan
- v) **Usaha dekriminalisasi cubaan bunuh diri** yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan individu dalam krisis bunuh diri untuk tampil mendapatkan bantuan serta menghapuskan stigma dalam masyarakat. Sekian, terima kasih.